KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24 & 25

RMK12 belanja RM415 bilion

Kuala Lumpur

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK12) 2021-2025 di Dewan Rakyat, semalam.

Berikut antara inti pati ucapan Perdana Menteri.

*Gagasan dalam KSP RMK12 bermatlamatkan Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi.

*KSP RMK12 merestui usaha kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia Madani, wadah Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat serta Agenda Pembangunan Mampan 2030.

*RMK12 akan dijajarkan semula dengan visi Ekonomi Madani yang menyasarkan pemerkasaan dan merancakkan ekonomi negara untuk tempoh 10 tahun.

*Kerajaan komited untuk membelanjakan sekurang-kurangnya RM90 bilion setahun bagi 2023 hingga 2025 di bawah RMK12.

*Kerajaan akan membelanjakan sepenuhnya peruntukan RM400 bilion di bawah RMK12 dan menambah siling sebanyak RM15 bilion, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan RM415 bilion.

*Peningkatan bertujuan untuk menambah keperluan bagi membiayai bidang keutamaan rakyat, memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi bagi menampung keperluan asas rakyat.

*Dasar Inovasi Sosial akan dilancarkan pada November ini bagi menggalakkan daya cipta pada peringkat akar umbi.

*Kerajaan akan membangunkan dasar larangan eksport bahan mentah nadir bumi bagi mengelakkan eksploitasi dan kehilangan sumber, lantas menjamin pulangan yang maksimum buat negara.

*Kerajaan menyasarkan Malaysia menjadi pengeksport halal sebanyak RM69.1 bilion pada 2025.

*Malaysia akan mengandurkan Persidangan Antarabangsa mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (ICIEF2023) ke-15 di Kuala Lumpur pada Disember ini bagi mengeraskinkan permasalahan dalam usaha Malaysia mempelopori peningkatan amalan sistem kewangan Islam yang syumul.

"Kerajaan komited untuk membelanjakan sekurang-kurangnya RM90 bilion setahun bagi 2023 hingga 2025 di bawah RMK12"

KERAJAAN tekad untuk memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi bagi menampung keperluan asas rakyat.

DANA AKTIVITI KREATIF GOLONGAN BELIA

*Kerajaan sedia dana RM346 juta dalam tempoh RMK12 untuk menarik penglibatan golongan belia dalam aktiviti kreatif yang menawarkan pendapatan yang tinggi.

*Kerajaan akan menyediakan RM60 juta dana pembiayaan peluang kedua kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan usahawan inovatif dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

*Kebijakan perindustrian mengikut geografi akan diberikan penekanan termasuk Projek Ladang Air Manis di Kulai, Johor dan projek Taman Biopolimer Kertih, Terengganu.

*Kerajaan telah lulus peruntukan RM1.1 bilion untuk tempoh 2023 hingga 2025 dalam usaha memperkasa keselamatan dan memperoleh manfaat daripada potensi pembangunan ekonomi rentas sempadan.

RAPAT NISBAH JURANG PENDAPATAN RAKYAT

*Kerajaan bertekad untuk merapatkan nisbah jurang pendapatan antara desa dengan bandar, daripada 0.57 pada tahun 2022 kepada 0.67 pada 2025.

TERUS TUMPU SABAH DAN SARAWAK

*Pembangunan wilayah Sabah dan Sarawak akan terus diberikan tumpuan.

*Projek pembangunan sistem Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan naik taraf sistem bekalan elektrik di Gugusan Felda Sahabat Sabah dengan kos RM195 juta akan dilaksanakan.

*Lebih banyak projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Setakat ini, 64 projek sedang dalam pelaksanaan di Sarawak dan 43 projek di Sabah.

*Sebuah pusat darah wilayah akan dibina di Sabah, manakala Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan akan dibina di Kuching, Sarawak.

NOKTAH KEMISKINAN

*Sejumlah RM1.5 bilion telah diluluskan untuk menggerakkan program dan projek yang mampu menjana pendapatan bagi golongan sasar untuk menoktahkan kemiskinan tegar pada tahun ini juga.

*Kerajaan akan memperkukuh penyediaan perlindungan sosial kepada rakyat melalui Reformasi Perlindungan Sosial yang sedang dikaji.

*Bantuan tunai dan program, Rahmah akan diteruskan dan ditambah baik bagi memastikan jaringan keselamatan sosial terus ditingkatkan.

*Satu kongres ekonomi Bumiputera akan diadakan pada Januari 2024 bagi penetapan hala tuju dan pendekatan baharu agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.

*Akta Syarikat 2016 dan Akta Perlengkapan Elektrik Terhad 2012 berkuat kuasa tumpuan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia bagi mereka yang menganggur dan terlibat dalam sektor pekerjaan tidak formal.

*1,200 klinik daif di seluruh negara akan dinaik taraf untuk tempoh 2023 hingga 2025.

*Kerajaan bersetuju untuk membubarkan Institut Kesihatan Mental bagi menangani isu kesihatan mental yang semakin membimbangkan.

*Projek rintis Perumahan Inklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

*Perumahan sebanyak RM40 juta disediakan kepada persatuan sukan komuniti berdaftar bagi menganjurkan acara sukan bagi memupuk perpaduan dan membina masyarakat yang aktif dan sihat.

*Langkah untuk menggalakkan wanita kekal atau kembali bekerja akan ditingkatkan melalui penyediaan kemudahan dan sokongan yang diperlukan seperti penjagaan anak, insentif kewangan dan waktu bekerja fleksibel.

BELA NASIB PENCARI KERJA OKU

*Maklumat mengenai pencari kerja dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) akan disepadukan dalam portal MyFuturejobs, manakala prosedur operasi standard penganbelian OKU dalam perkhidmatan awam akan ditambah baik.

*Dasar Pendidikan Digital (DPD) akan dilancarkan bagi melahirkan murid berkemahiran digital dalam era Revolusi Industri 4.0 (4IR).

*Kerajaan melalui inisiatif Akademi dalam Industri (AII) akan memyediakan dana khusus berjumlah RM200 juta bagi membantu belia mencebur diri dalam sektor pembuatan.

*Seramai 50,000 belia disasarkan mendapat peluang berkemahiran dengan Sijil Kemahiran Malaysia pada akhir RMK12.

*Kerajaan akan menggubal undang-undang mengenai perubahan iklim bagi mengawal selia pelaksanaan kebijakan bagi memenuhi kewajipan perubahan iklim negara.

*Akta berkaitan pencemaran sumber air dan industri perkhidmatan air akan dilaji semula agar hukuman yang setimpal terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab.

SIAP SIAGA ATASI BENCANA

*Pusat Bencana Geologi Negara akan ditubuhkan pada akhir tahun ini bagi memantau tahap keberkesanan sistem amaran awal bencana.

*Usaha khusus bagi melindungi spesies Harimau Malaya (panthera tigris jacksoni) yang kini kian terancam akan dipertingkatkan.

*Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tatakelola (ESG) yang merangkumi dasar dan rangka kerja kawal selia serta khidmat sokongan akan dihunjukan bagi menggalakkan perniagaan menerima pakai amalan perniagaan yang mampan.

*Penstrukturan semula subsidi elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial lain akan dilakukan. Rakyat yang kurang bernasib baik kekal menjadi keutamaan kerajaan.

*Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti akan diperkenalkan sebagai panduan tatakelola bebas rasuah kepada semua entiti dalam sektor awam dan swasta.

*Kerajaan menyasarkan kedudukan ke-25 teratas buat Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia dalam tempoh 10 tahun.

*Penggunaan Identiti Digital (ID) Nasional secara rintis bagi pengesahan identiti yang selamat dan terpelihara dijangka dilancarkan pada 2025.

*Jawatankuasa Khas Pemantauan KSP RMK12 akan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan kebijakan KSP RMK12.

"Penstrukturan semula subsidi elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial lain akan dilakukan. Rakyat yang kurang bernasib baik kekal menjadi keutamaan kerajaan"

"Projek rintis Perumahan Inklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang"

RM60J

Jumlah dana pembiayaan peluang kedua kepada PKS dan usahawan inovatif dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

RMK12

BELANJA RM415 BILION

KERAJAAN tekad untuk memperbaiki mutu pengurusan dan menyasarkan semula subsidi bagi menampung keperluan asas rakyat.

PROJEK rintis Perumahan Inklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar.

SERAMAI 50,000 belia disasarkan mendapat pekerjaan berkemahiran dengan Sijil Kemahiran Malaysia pada akhir RMK12.

KLINIK kesihatan yang perlu diberikan perhatian akan dinaik taraf untuk tempoh 2023 hingga 2025.